

18 OCT 1997

AEM: JEPUN DIMINTA MELABUR DALAM PENGELUARAN JENTERA BERAT

PETALING JAYA, 18 Okt (Bernama) -- Jepun telah digesa supaya melabur di Malaysia untuk mengeluarkan jentera berat untuk industri pembinaan, bagi membantu mengurangkan masalah defisit akaun semasa, kata menteri perdagangan antarabangsa dan industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Beliau berkata di sini hari ini bahawa Jepun harus melihat secara positif batasan-batasan yang dikenakan dalam Belanjawan 1998 terhadap pengimportan kelengkapan berkenaan, terutama jika ianya boleh diperolehi di dalam negeri, sebagai satu peluang untuk menaikkan tahap pelaburan langsung asing mereka.

Ia juga akan dapat membantu mengurangkan defisit perdagangan Malaysia yang berpunca tarutamanya daripada pengimportan tinggi barangan modal dan perantara," katanya semasa sidang berita selepas perundingan antara menteri perdagangan antarabangsa dan industri Jepun Mitsuo Horiuchi dan para menteri ekonomi Asean.

Rafidah, yang mempengerusikan secara bersama mesyuarat itu dengan Mitsuo, ditanya oleh seorang pemberita Jepun sama ada keputusan kerajaan untuk mengenakan syarat permit import (AP) bagi jentera berat untuk industri pembinaan selari dengan pengliberalan pasaran.

Beliau berkata "pengurangan ke atas kelegkapan sedemikian, yang diimport dengan agak banyak oleh Malaysia, tidak bermakna bahawa import tidak boleh memasuki Malaysia...apa yang kami ingin lihat ialah mereka yang mahukan jentera itu supaya mendapatkannya di dalam negeri."

Ditanya pendapatnya, Horiuchi, berkata sementara apa-apa keputusan mengenai kenaikan cukai adalah bidang kuasa mana-mana negara, beliau percaya bahawa langkah Malaysia mengenakan AP adalah sementara.

Mengenai defisit perdagangan dengan Jepun yang ditanggung oleh Malaysia, Rafidah berkata ia sudah agak lama, tetapi krisis mata wang telah membuatkan kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menangani masalah defisit.

Rafidah berkata pasukan petugas terdiri daripada para pegawai kedua-dua negara telah ditugaskan untuk mengkaji dan mengenal pasti bidang-bidang tertentu untuk mengatasi masalah itu.

Perkara itu turut dibincangkan oleh perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan perdana menteri Jepun Ryutaro Hashimoto semasa pemimpin Jepun itu melawat Malaysia tahun lepas. -- BERNAMA

MR SIA